

Menteri Luar Filipina bincang tuntutan dengan Dr M

BH 6 MAY 1986

KUALA LUMPUR,
Isnin — Datuk Seri
Dr Mahathir Moha-
mad berbincang
mengenai tuntutan
Filipina ke atas Sa-
bah dengan Naib
Presiden negara itu,
Encik Salvador Lau-
rel, di sini pagi Ju-
maat lalu, Pejabat
Perdana Menteri
mengesahkan hari
ini.

Setiausaha Akhbar Per-
dana Menteri, Encik
Jalaludin Bahaudin,
berkata Perdana Men-
teridan Encik Laurel
berbincang dua jam
mengenai beberapa
perkara kepentingan
bersama, termasuk
soal tuntutan Filipina
ke atas Sabah, di peja-
batnya di sini.

Laporan agensi berita
AFP yang dipetik oleh
akhbar-akhbar menye-
but bahawa Encik Lau-
rel mengadakan per-
bincangan sulit dengan
Perdana Menteri di
sini, tetapi tidak mem-
beri keterangan lanjut.
Beliau, yang juga Mente-
ri Luar Filipina, dila-
porkan sebagai berka-
ta di Manila semalam,
bahawa kedua-dua ne-
gara sudah mengambil
langkah-langkah ter-
tentu untuk menyele-
saikan perkara itu.

Encik Laurel dikatakan
menganggap perjum-
paannya dengan Datuk
Seri Dr Mahathir seba-
gai sangat penting dan
berharap masalah Sa-
bah dapat diselesaikan
segera.

Beliau menganggap isu
Sabah sebagai sesuatu
yang 'merenggangkan'
hubungan Kuala Lum-
pur-Manila dan beliau
memberi jaminan, run-
dingan mengenai isu
itu akan diteruskan se-
hingga ia selesai.

Encik Jalaludin menje-
laskan, Encik Laurel
singgah sekejap di sini
untuk menemui Perda-
na Menteri dalam per-
jalanan pulang dari
Bali selepas menghadi-
ri sidang Menteri Luar
Asean baru-baru ini.